

01/12/1998

Salomon Smith Barney perjelas keadaan ekonomi negara

SALOMON Smith Barney iaitu perunding kewangan kerajaan Malaysia akan menemui pihak agensi penarafan antarabangsa bagi memperbetulkan persepsi salah mengenai ekonomi negara.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Wong See Wah, berkata ini perlu kerana Malaysia masih mahu mendapatkan sumber dana dari luar negara dan salah tanggapan terutama oleh agensi penarafan perlu ditangkis segera.

"Kita mahu Salomon Smith Barney ini memberi taklimat kepada agensi penarafan bagi memperbetulkan persepsi salah mengenai ekonomi negara."

"Pada masa yang sama juta kita bergantung kepada Salomon Smith Barney bagi mendapatkan sumber dana sejagat apabila tiba masa sesuai berbuat demikian," katanya selepas menyampaikan ucapan utama di seminar mengenai "Pasaran ekuiti Malaysia: Cabaran & arah masa depan" anjuran Institut Insurans Malaysia di Kuala Lumpur semalam.

Katanya, satu pertiga daripada jumlah defisit RM16.1 bilion dalam belanjawan tahun depan dijangka diperolehi melalui dana luar negara manakala bakinya dana domestik seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Perkeso.

September lalu, Salomon Smith Barney Inc, firma sekuriti ketiga terbesar di Amerika Syarikat, dilantik untuk menasihati kerajaan dalam penyusunan dan permodalan semula sektor perbankan Malaysia, termasuk memberi pandangan kepada Danamodal Nasional Berhad.

Pelantikan Salomon Smith Barney Inc itu adalah melalui anak syarikatnya, Salomon Smith Barney (Malaysia) Sdn Bhd itu. Salomon Smith Barney yang berpangkalan di New York, mempunyai 500 pejabat di 27 negara.

Pada Julai lalu pula, hasrat Malaysia untuk mendapatkan dana luar negara bagi membantu memulih ekonomi terhalang apabila dua agensi penarafan antarabangsa, Moody's Investors Service dan Standard & Poor menurunkan bon kedaulatan negara.

Berikutan itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendesak supaya fungsi agensi penarafan itu dikaji semula dan gesaan itu mendapat perhatian pemimpin 21 negtara anggota Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) yang bersidang di Kuala Lumpur baru-baru ini.

(END)